

GARIS PANDUAN

LESEN IMPORT (AP) KAJIAN PASARAN DAN PRA-PEMASANGAN UNTUK KENDERAAN ELEKTRIK (AP MRA EV)

DASAR BERMULA 1 JANUARI 2026

- A. Objektif : (i) Menggalakkan aktiviti pemasangan secara tempatan kenderaan elektrik (EV) di dalam negara;
- (ii) Membantu syarikat pemasang tempatan untuk mengimport EV dalam bentuk *completely built-up* (CBU) bagi tujuan kajian pasaran serta promosi sebelum pemasangan *completely knocked down* (CKD) dimulakan; dan
- (iii) Selaras dengan galakan cukai bagi menyokong penggunaan EV dimana pengecualian duti eksais dan cukai jualan ke atas EV pemasangan CKD yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027.
- B. Tempoh Pelaksanaan : 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2030.
- C. Syarat Kelayakan : (i) Syarikat Pemohon:
- (a) Syarikat telah mendapat kelulusan model untuk pemasangan secara tempatan daripada Bahagian Pembangunan Industri (BPI), MITI;
- (b) Syarikat mempunyai Lesen Pengilang atau kontrak pemasangan dengan mana-mana kilang pemasangan tempatan; dan
- (c) Syarikat yang belum membuat pengimportan pek CKD untuk pemasangan secara tempatan bagi model yang telah diluluskan.
- (ii) Kenderaan yang layak:
- (a) Model EV bagi kategori berikut yang telah mendapat kelulusan pemasangan tempatan daripada BPI, MITI:
- **BEV** (*Battery Electric Vehicle*);
 - **FCEV** (*Fuel Cell Electric Vehicle*);
 - **PHEV** (*Plug-in Hybrid Electric Vehicle*); dan
 - **HEV** (*Hybrid Electric Vehicle*).

- (b) Model kenderaan penumpang jenis HEV termasuk PHEV yang dapat bergerak sekurang-kurangnya 100km dengan penggunaan petrol (*Worldwide Harmonized Light Vehicles Test Procedure – WLTP*) kurang daripada 2 liter.
- (c) Model kenderaan yang tidak pernah diberikan kelulusan di bawah pengimportan di bawah AP MRA EV bagi mana-mana syarikat;
- (d) Belum dipasang di Malaysia; dan
- (e) Model perlu mempunyai United Nation Regulations No. 100 (UN R100) bagi kenderaan penumpang elektrik atau kenderaan perdagangan elektrik dan UN R136 atau MS 2413 daripada pihak SIRIM untuk motosikal elektrik bagi pematuhan piawaian dan peraturan berkaitan kenderaan elektrik.

D. Agihan Peruntukan AP

- (i) Permohonan dinilai secara kes demi kes. Agihan peruntukan AP MRA diberi secara *one-off* dan ianya dipertimbangkan tidak melebihi jumlah siling agihan AP yang ditetapkan bagi setiap model seperti berikut:

Bil.	Kategori Kenderaan EV (BEV, FCEV, PHEV, HEV)	Agihan AP (unit) / Model
1.	Kereta penumpang dan motosikal	200
2.	Van perdagangan	50
3.	Lori	50
4.	Bas	30

- (ii) Agihan peruntukan AP MRA EV ini berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2030;
- (iii) Peruntukan AP MRA EV ini tidak boleh digunapakai untuk kegunaan model EV lain mahupun kenderaan bukan EV yang lain; dan
- (iv) AP yang telah diluluskan hanya sah bagi pengimportan sebelum 31 Disember 2030 atau sebelum syarikat memulakan aktiviti pemasangan tempatan, mengikut mana yang terdahulu.

E. Syarat Kelulusan

- (i) Aktiviti pemasangan / pengeluaran hendaklah dijalankan dalam tempoh dua (2) tahun selepas kelulusan import diberi dan syarikat perlu meningkatkan aktiviti lokalisasi sekurang-kurangnya 30% dalam tempoh dua (2) tahun;

(Nota: Syarat-syarat yang ditetapkan boleh

dipinda oleh MITI dari masa ke semasa mengikut keperluan/ halatuju semasa negara)

- (ii) Syarikat diingatkan untuk tidak bergantung kepada pengimportan CBU dan perlu komited untuk membuat pemasangan secara tempatan.

F. Penghantaran Permohonan

: Syarikat perlu mengemukakan Permohonan AP MRA EV berserta dokumen sokongan yang disenaraikan dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan AP MRA EV seperti di **LAMPIRAN 1** melalui:

Serahan Tangan

Kaunter 8
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

(Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)

atau

Pos

Pengarah
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

G. Dokumen Sokongan Pemperosesan AP Menerusi Sistem e-Permit

: Syarikat yang telah mendapat kelulusan agihan peruntukan AP MRA EV hendaklah mengemukakan dokumen sokongan di bawah ketika membuat permohonan AP MRA EV secara dalam talian menerusi sistem ePermit.

- (i) Surat permohonan rasmi;
- (ii) Surat kelulusan MITI;
- (iii) Lesen Pengilang;
- (iv) Technical Specification & Photos of Vehicle;
- (v) *Bill of Lading* (BL); dan
- (vi) *Invoice/ Packing List*.

H. **Proses Kerja** : **LAMPIRAN 2** Carta Alir Permohonan AP MRA

I. **Pertanyaan Lanjut** : (i) Berkaitan Surat **Kelulusan Pemasangan Secara Tempatan** Oleh BPI, MITI:

Seksyen Dasar Bukan Sumber
Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 10, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

Nombor telefon : 03 – 6208 4621/4610/4611
E-mel : allbpi@miti.gov.my

(ii) Berkaitan **Permohonan AP MRA EV**:

Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

Nombor telefon : 03 – 6208 4710/4708/4726/4778
E-mel : apluarkuota@miti.gov.my

(iii) Berkaitan **sistem ePermit**:

Bahagian Khidmat Pelanggan (Careline)
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT)
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park,
Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12,
63000 Cyberjaya,
Selangor

Nombor telefon : 1 300 133 133
E-mel : careline@dagangnet.com
Laman web : www.dagangnet.com

Tarikh kemaskini: Januari 2026